



**KENYATAAN MEDIA CO-OPBANK PERTAMA**  
**21 NOVEMBER 2023**

**CBP LANCAR COSTART SEMPENA PROGRAM MASKOP 2023**

1. Co-opbank Pertama (CBP) hari ini secara rasminya telah melancarkan Skim Pembiayaan COSTART kepada koperasi-koperasi kredit yang baru ditubuhkan kurang dari tiga (3) tahun.
2. Pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Datuk Ewon Benedick. Turut hadir ke majlis pelancaran tersebut adalah Pengerusi CBP, Datuk Baharom Embi dan Ketua Pegawai Eksekutif CBP, Encik Khairil Anuar Mohammad Anuar.
3. Pelancaran COSTART itu disempurnakan di Majlis Memasyarakatkan Koperasi (MASKOP) yang diadakan di Auditorium ANGKASA, Kelana Jaya.
4. Khairil Anuar berkata, inisiatif yang dilakukan oleh CBP ini dilihat dapat membantu gerakan koperasi di negara ini di mana koperasi yang mendapatkan skim pembiayaan COSTART ini mempunyai modal pusingan aktiviti Pembiayaan Peribadi mereka kepada anggotanya.
5. “CBP telah menyediakan dana sebanyak RM10 juta bagi menjayakan skim ini dan permohonan telah dibuka pada 01 Oktober 2023 yang lalu.
6. “Menerusi skim ini, koperasi kredit baharu yang ditubuhkan kurang dari tiga (3) tahun yang mempunyai kod Potongan Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA) / Potongan Gaji Majikan (PGM) layak memohon dengan syarat pembiayaan berlandaskan konsep Tawarruq sebagai kontrak pembiayaan.
7. Katanya lagi, CBP amat komited untuk membantu gerakan koperasi di negara ini dan ianya selari dengan misi KUSKOP untuk memasyarakatkan koperasi kepada rakyat di negara ini,” katanya.

-TERIMA KASIH-

### **Mengenai Co-opbank Pertama**

Co-opbank Pertama (CBP) telah ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara Malaysia sebagai sebuah co-opbank. CBP mempunyai 30 buah cawangan termasuk outlet di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnu. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cbp.com.my](http://www.cbp.com.my).

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi**

**Jabatan Komunikasi Korporat**

**ukk@cbp.com.my**